

PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN KEDUA BERDASARKAN KEPERLUAN PEMOHON

Penjawat awam yang memenuhi syarat ditetapkan kini layak memohon pembiayaan kedua tanpa perlu menunggu pembiayaan pertama selesai sepenuhnya.



SYARAT PERMOHONAN MASIH TERTAKLUK KEPADA PENILAIAN KEMAMPUAN BAYARAN BALIK DAN SYARAT KELAYAKAN LPPSA

MENGAPA PENAMBAHBAIKAN INI DIBUAT?



Perubahan lokasi bertugas



Pertambahan ahli keluarga



Keperluan berpindah ke rumah yang lebih sesuai



Perubahan keperluan hidup



Kami memahami keperluan perumahan yang berubah sepanjang tempoh perkhidmatan anda.



APA YANG ANDA PERLU TAHU?



Permohonan dijangka dibuka pada **suku keempat tahun 2026**



Potongan gaji bagi pembiayaan pertama telah dilaksanakan



Tiada tunggakan bayaran balik pembiayaan



Kelayakan pembiayaan kedua berdasarkan baki had kelayakan semasa, sehingga RM1 juta (harga hartanah)

KRITERIA JENIS PEMBIAYAAN YANG DIBENARKAN



Terpakai bagi semua jenis pembiayaan perumahan



Pelanggan yang sedang menikmati pembiayaan pertama bagi Jenis 4 atau 5 (tanah) dan masih belum membuat permohonan Jenis 6 (membina rumah), tidak dibenarkan memohon pembiayaan kedua bagi Jenis 4 atau 5 (tanah) untuk hartanah yang lain

MARGIN KELULUSAN PEMBIAYAAN KEDUA

SENARIO PEMBIAYAAN

MARGIN PEMBIAYAAN (Hartanah)



Sekiranya pembiayaan pertama telah selesai

Sehingga 100%



Bagi pembiayaan Jenis 5 (Ambil alih) dan Jenis 7 (Ubahsuai)

Sehingga 100%



Sekiranya pembiayaan pertama masih aktif

Sehingga 90%

